

GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GENOTROPIN
2. Bagaimana GENOTROPIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan GENOTROPIN
4. Cara menggunakan GENOTROPIN
5. Semasa menggunakan GENOTROPIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GENOTROPIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan GENOTROPIN

Bagi kanak-kanak, GENOTROPIN digunakan untuk merawat gangguan pertumbuhan:

- Jika anda tidak mempunyai hormon pertumbuhan sendiri yang mencukupi.
- Jika anda mengalami Sindrom Turner (kelainan kromosom pada anak perempuan yang boleh menjejaskan pertumbuhan).
- Jika anda mengalami kelemahan buah pinggang kronik. Apabila buah pinggang hilang keupayaan untuk berfungsi dengan normal, ini boleh menjejaskan pertumbuhan.
- Jika anda mengalami sindrom Prader-Willi (sejenis gangguan kromosom). Hormon pertumbuhan akan membantu anda menjadi lebih tinggi jika anda masih membesar, malah ia juga dapat meningkatkan komposisi badan anda.
- Jika anda bersaiz kecil atau terlalu ringan ketika dilahirkan atau jika anda belum dapat mencapai atau mengekalkan pertumbuhan normal apabila anda mencecah umur empat tahun atau ke atas.

Bagi orang dewasa, GENOTROPIN digunakan untuk merawat individu yang mengalami kekurangan hormon pertumbuhan yang ketara. Ini mungkin bermula semasa dewasa, atau ia mungkin berterusan dari zaman kanak-kanak. Jika anda telah dirawat dengan GENOTROPIN untuk kekurangan hormon pertumbuhan semasa zaman

kanak-kanak, status hormon pertumbuhan anda akan diuji semula selepas pertumbuhan tamat.

Bagaimana GENOTROPIN berfungsi

GENOTROPIN ialah hormon pertumbuhan manusia rekombinan (juga dikenali sebagai somatropin). Ia mempunyai struktur yang sama seperti hormon pertumbuhan semula jadi manusia yang diperlukan untuk pertumbuhan tulang dan otot. Ia juga membantu perkembangan lemak dan tisu otot anda pada tahap yang secukupnya. Ia adalah protein yang diperoleh daripada DNA rekombinan, bermakna ia tidak dibuat daripada tisu manusia atau haiwan.

Sebelum menggunakan GENOTROPIN**- Bila tidak boleh menggunakan**

- Jangan gunakan GENOTROPIN jika
- Anda alah (hipersensitif) kepada somatropin atau kepada mana-mana ramuan lain dalam GENOTROPIN (disenaraikan dalam bahagian Maklumat lanjut).
 - Anda menghidap tumor yang aktif (kanser). Tumor mesti tidak aktif dan anda mesti telah melengkapkan rawatan antitumor anda sebelum anda memulakan rawatan GENOTROPIN.
 - Anda sakit tenat (contohnya, komplikasi berikutan pembedahan jantung terbuka, pembedahan abdomen, kegagalan pernafasan akut, kecederaan kemalangan atau keadaan seumpamanya).
 - Kanak-kanak yang telah berhenti membesar (epifisis tertutup).

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil GENOTROPIN jika anda mengandung, atau jika anda berpotensi mengandung tetapi anda tidak menggunakan kaedah pencegah kehamilan.

Dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan ubat ini ketika anda sedang menyusukan anak.

- Sebelum mula menggunakan

Sila berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil GENOTROPIN:

- Jika anda sedang menerima GENOTROPIN dan terapi penggantian hormon tiroid secara serentak, doktor anda perlu memantau fungsi tiroid anda dengan teliti.
- Jika anda menghidap kencing manis dan sedang menerima terapi insulin, GENOTROPIN mungkin dapat mengurangkan kepekaan insulin anda. Beritahu doktor anda. Dos insulin anda mungkin perlu dilaraskan selepas GENOTROPIN dimulakan.
- Jika anda mengalami sakit kepala yang teruk atau berulang, masalah mata, muntah dan loya, doktor anda mungkin akan memeriksa mata anda bagi menentukan jika anda mengalami tekanan yang meningkat di sekeliling tengkorak anda. Berdasarkan pemeriksaan ini, doktor anda akan membuat keputusan sama ada untuk meneruskan rawatan anda dengan GENOTROPIN atau tidak.
- Jika anda menerima terapi GENOTROPIN, anda mungkin berisiko mengalami paras kortisol (hormon tekanan) yang rendah dalam darah anda disebabkan kekurangan aktiviti kelenjar adrenal dan anda mungkin memerlukan ubat steroid. Jika anda pernah didiagnosis dengan kelenjar adrenal yang kurang aktif, doktor anda mungkin perlu mengubah dos steroid anda.
- Jika anda mengambil GENOTROPIN dan terapi estrogen oral secara serentak, doktor anda mungkin perlu mengubah dos GENOTROPIN anda.
- Jika anda pernah menghidap kanser semasa zaman kanak-kanak, anda berisiko lebih tinggi untuk mendapat tumor semula selepas rawatan GENOTROPIN.
- Pengalaman bagi pesakit yang berumur 80 tahun ke atas adalah terhad. Orang tua mungkin lebih sensitif kepada tindakan GENOTROPIN dan oleh yang demikian, mungkin lebih mudah mengalami kesan sampingan.

GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

- Jika anda mengalami mana-mana penyakit kritikal lain, doktor anda akan menentukan sama ada ubat ini sesuai untuk anda atau tidak dengan mempertimbangkan kemungkinan manfaat berbanding potensi risiko yang terlibat.

Kanak-kanak yang mengalami sindrom Prader-Willi:

- Doktor anda akan menentukan peraturan pemakanan yang perlu anda ikuti bagi memastikan kawalan berat badan yang berkesan sebelum dan semasa rawatan GENOTROPIN.
- Doktor anda akan memeriksa anda untuk tanda-tanda halangan saluran pernafasan atas, apnea tidur (apabila pernafasan anda terganggu semasa tidur), atau jangkitan saluran pernafasan sebelum anda memulakan rawatan GENOTROPIN.
- Semasa rawatan, jika anda menunjukkan tanda-tanda halangan saluran pernafasan atas (termasuk mula berdengkur atau dengkur yang bertambah teruk), doktor anda akan merujuk anda kepada pakar Telinga, Hidung & Tekak (ENT) untuk menjalani pemeriksaan, dan rawatan anda dengan GENOTROPIN mungkin akan dihentikan buat sementara waktu.
- Semasa rawatan, doktor anda akan memeriksa anda untuk tanda-tanda skoliosis, sejenis kecacatan tulang belakang yang mungkin berlaku semasa fasa pertumbuhan yang cepat.
- Semasa rawatan, jika anda mengalami jangkitan paru-paru, beritahu doktor anda supaya beliau boleh merawat jangkitan tersebut.

Kanak-kanak yang mengalami kelemahan buah pinggang kronik:

- doktor anda seharusnya memeriksa fungsi buah pinggang anda dan mengesahkan gangguan pertumbuhan yang anda alami dengan memantau pertumbuhan anda selama setahun sebelum memulakan GENOTROPIN. Rawatan perubatan untuk penyakit buah pinggang anda seharusnya dikekalkan sepanjang tempoh ini. Rawatan

GENOTROPIN seharusnya dihentikan semasa pemindahan buah pinggang.

Kanak-kanak yang dilahirkan kecil atau terlalu ringan ketika dilahirkan:

- Doktor anda akan memeriksa tahap insulin dan gula darah anda sebelum memulakan rawatan dan pada setiap tahun semasa rawatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Apabila diambil bersama GENOTROPIN, sesetengah ubat boleh mengurangkan keberkesanan GENOTROPIN dan begitu juga sebaliknya.

Anda seharusnya memberitahu doktor anda jika anda sedang mengambil

- ubat untuk merawat kencing manis,
- hormon tiroid,
- steroid untuk mengurangkan keradangan (kortikosteroid),
- hormon seks (contohnya estrogen),
- ciclosporin (ubat yang melemahkan sistem imun selepas pemindahan organ),
- ubat untuk mengawal epilepsi (antikonvulsan).

Cara menggunakan GENOTROPIN

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang disyorkan

Dos bergantung pada saiz anda, keadaan yang menyebabkan anda menerima rawatan dan keberkesanan fungsi hormon pertumbuhan untuk anda. Setiap orang adalah berbeza. Doktor anda akan menasihati anda mengenai dos GENOTROPIN anda dalam miligram (mg) mengikut sama ada berat badan

anda dalam kilogram (kg) atau luas permukaan badan anda yang dikira berdasarkan tinggi dan berat badan anda dalam meter persegi (m²), dan juga jadual rawatan anda. Jangan ubah dos dan jadual rawatan tanpa berbincang dengan doktor anda.

Kanak-kanak yang mengalami kekurangan hormon pertumbuhan: 0.025-0.035 mg/kg berat badan sehari atau 0.7-1.0 mg/m² luas permukaan badan sehari. Dos yang lebih tinggi boleh digunakan. Apabila kekurangan hormon pertumbuhan berterusan sehingga remaja, GENOTROPIN seharusnya diteruskan sehingga perkembangan fizikal sudah tamat.

Kanak-kanak yang mengalami sindrom Turner: 0.045-0.050 mg/kg berat badan sehari atau 1.4 mg/m² luas permukaan badan sehari.

Kanak-kanak yang mengalami kelemahan buah pinggang kronik: 0.045-0.050 mg/kg berat badan sehari atau 1.4 mg/m² luas permukaan badan sehari. Dos yang lebih tinggi mungkin perlu jika kadar pertumbuhan terlalu rendah. Pelarasan dos mungkin perlu selepas 6 bulan rawatan.

Kanak-kanak yang mengalami sindrom Prader-Willi: 0.035 mg/kg berat badan sehari atau 1.0 mg/m² luas permukaan badan sehari. Dos harian tidak seharusnya melebihi 2.7 mg. Rawatan tidak seharusnya digunakan untuk kanak-kanak yang hampir berhenti membesar selepas akil baligh.

Kanak-kanak yang dilahirkan lebih kecil atau lebih ringan daripada yang dijangka dan mengalami gangguan pertumbuhan: 0.035 mg/kg berat badan sehari atau 1.0 mg/m² luas permukaan badan sehari. Adalah penting untuk meneruskan rawatan sehingga ketinggian penuh telah dicapai. Rawatan seharusnya dihentikan selepas tahun pertama sekiranya anda

GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

tidak bertindak balas atau jika anda telah mencapai ketinggian penuh anda dan berhenti membesar.

Orang dewasa yang mengalami kekurangan hormon pertumbuhan:

- Jika anda meneruskan GENOTROPIN selepas rawatan semasa zaman kanak-kanak, anda seharusnya bermula dengan 0.2-0.5 mg sehari.

- Jika kekurangan hormon pertumbuhan anda bermula semasa kehidupan dewasa, anda seharusnya bermula dengan 0.15-0.3 mg sehari.

- Dos ini seharusnya ditingkatkan secara beransur-ansur mengikut keputusan ujian darah dan juga tindak balas klinikal dan kesan sampingan.

Dos pengekalan harian jarang melebihi 1.0 mg sehari. Wanita mungkin memerlukan dos yang lebih tinggi daripada lelaki. Dos harus dipantau setiap 6 bulan.

Orang yang berumur 60 tahun ke atas seharusnya bermula dengan dos 0.1-0.2 mg sehari dan seharusnya ditingkatkan secara beransur-ansur mengikut keperluan individu. Dos minimum yang berkesan harus digunakan.

Dos pengekalan harian jarang melebihi 0.5 mg sehari. Ikut arahan yang diberikan oleh doktor anda.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan GENOTROPIN untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Suntik dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan suntik dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau ahli farmasi dengan secepat mungkin sekiranya anda telah menyuntik dos secara berlebihan. Tahap gula darah anda mungkin jatuh terlalu rendah dan kemudian meningkat terlalu tinggi. Anda mungkin menggeletar, berpeluh, mengantuk atau “berkelakuan ganjil”, dan anda mungkin pitam.

Semasa menggunakan GENOTROPIN

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan GENOTROPIN.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Jika anda sedang menerima GENOTROPIN untuk kekurangan hormon pertumbuhan berikutan tumor (kanser) sebelum ini, anda seharusnya diperiksa secara kerap untuk mengesan pertumbuhan semula tumor.
- Jika anda menghidap kencing manis, anda seharusnya memantau tahap gula darah anda semasa rawatan GENOTROPIN dan membincangkan keputusannya dengan doktor anda untuk menentukan sama ada anda perlu mengubah dos ubat kencing manis anda atau tidak.
- Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil hormon pertumbuhan untuk merangsang

pertumbuhan dan anda kini berjalan tempang, atau jika anda mula berjalan tempang semasa rawatan hormon pertumbuhan anda disebabkan kesakitan pada pinggul anda.

- Jika doktor anda mengesahkan bahawa anda telah mengalami kesakitan otot atau kesakitan yang tidak sama rata berdekatan tempat suntikan yang disebabkan oleh bahan pengawet metacresol, anda seharusnya menggunakan produk GENOTROPIN tanpa metacresol.
- Beritahu doktor anda jika anda mengalami sakit perut semasa rawatan GENOTROPIN. Ini mungkin berlaku disebabkan keradangan pankreas.

Menyuntik GENOTROPIN:

Sila rujuk Lampiran 1 untuk mengetahui arahan penggunaan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berkongsi GENOTROPIN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Apabila anda membancuh GENOTROPIN, jangan goncang larutan. Bancuhnya dengan perlahan. Menggoncangkan larutan boleh menyebabkan hormon pertumbuhan berbuih dan merosakkan bahan aktif.

Memandu dan menggunakan jentera
Tiada kesan diperhatikan terhadap keupayaan untuk memandu dan menggunakan jentera.

GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, GENOTROPIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Pada kanak-kanak yang mengalami kekurangan hormon pertumbuhan: Kesan sampingan yang sangat biasa berlaku:

- tindak balas sementara di tempat suntikan.

Pada kanak-kanak yang mengalami sindrom Turner: Kesan sampingan yang sangat biasa berlaku:

- sakit sendi

Pada kanak-kanak yang mengalami kelemahan buah pinggang kronik: Kesan sampingan yang biasa berlaku:

- tindak balas sementara di tempat suntikan
- ruam kulit

Pada kanak-kanak yang mengalami gangguan pertumbuhan disebabkan saiz yang kecil semasa lahir berbanding umur gestasi: Kesan sampingan yang biasa berlaku:

- tindak balas sementara di tempat suntikan
- ruam kulit
- ruam kulit yang timbul, merah dan gatal (geligata)

Pada kanak-kanak yang mengalami sindrom Prader-Willi: Kesan sampingan yang biasa berlaku:

- berasa sesemut atau mencucuk-cucuk
- tekanan yang tinggi dalam tengkorak
- sakit otot
- sakit sendi
- penahanan air (yang dapat dilihat sebagai sembab) pada kaki
- ruam kulit

Bagi orang dewasa yang mengalami kekurangan hormon pertumbuhan:

Kesan sampingan yang sangat biasa berlaku:

- sakit sendi
 - penahanan air (yang dapat dilihat sebagai sembab) pada kaki
- Kesan sampingan yang biasa berlaku:
- kebas/sesemut pada tangan
 - deria rasa yang tidak normal pada kulit iaitu berasa sesemut atau mencucuk-cucuk
 - kekejangan otot, sakit otot

Simptom-simptom ini mungkin muncul pada beberapa bulan pertama rawatan, tetapi hilang secara spontan atau apabila dos dikurangkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan GENOTROPIN**- Penyimpanan**

Sebelum pembancuhan semula: Simpan di dalam peti sejuk (2°C – 8°C), atau untuk tempoh maksimum 1 bulan pada atau bawah 25°C. Simpan pen praisi dalam kotak luar untuk melindungi daripada cahaya.

Selepas pembancuhan semula: Simpan di dalam peti sejuk (2°C – 8°C). Jangan bekukan. Simpan pen praisi dalam kotak luar untuk melindungi daripada cahaya.

Dari sudut pandangan mikrobiologi, sebaik sahaja dibancuh, produk ini boleh disimpan selama 4 minggu pada 2°C - 8°C. Tempoh dan keadaan penyimpanan dalam penggunaan lain adalah menjadi tanggungjawab pengguna.

- Pelupusan

Sebarang produk yang tidak digunakan atau sisa seharusnya dilupuskan mengikut

keperluan tempatan. Pen praisi GoQuick yang sudah kosong tidak boleh diisi semula dan mesti dilupuskan dengan betul.

Maklumat lanjut**- Rupa dan warna produk**

Kartrij dua ruang: Serbuk dan pelarut untuk larutan untuk suntikan. Dalam kartrij dua ruang, terdapat serbuk putih dalam kompartmen depan dan larutan jernih dalam kompartmen belakang.

Kartrij dua ruang dibekalkan untuk kegunaan dalam pen praisi berbilang dos pakai buang (GoQuick).

Serbuk dan pelarut 1 ml dalam kartrij kaca dua ruang (kaca jenis I) diasingkan oleh pelocok getah (bromobutyl). Kartrij dikedap pada satu hujung dengan cakera getah (bromobutyl) dan penutup aluminium, dan pada hujung yang satu lagi dikedap dengan penyumbat getah (bromobutyl). Kartrij dua ruang dibekalkan dalam pen praisi berbilang dos pakai buang, GoQuick.

Pen praisi GoQuick 5.3 mg dikodkan dengan warna biru. Pen praisi GoQuick 12 mg dikodkan dengan warna ungu.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Somatropin

- Bahan tidak aktif

Kompartmen depan (serbuk):

Glycine
Mannitol
Sodium dihydrogen phosphate, monohydrate
Disodium phosphate, dodecahydrate

Kompartmen belakang (pelarut):

Water for injections
Metacresol
Mannitol

GENOTROPIN[®]

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Nombor MAL:

Serbuk Genotropin 5.3 mg dan pelarut
untuk larutan untuk suntikan-
MAL20081840AZ

Serbuk Genotropin 12 mg dan pelarut
untuk larutan untuk suntikan-
MAL20081841AZ

Pengilang

Pfizer Manufacturing Belgium N.V.
Rijksweg 12
Puurs B-2870
Belgium

Pemegang Pendaftaran Produk

Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd.
Level 10 & 11
Wisma Averis, Tower 2
Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 13/09/2021

Nombor Siri

NPRA(R3/01)01092021/0142

PLD-GENOTROPIN-0921

GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

LAMPIRAN 1**ARAHAN PENGGUNAAN GOQUICK®: 5.3 mg****Maklumat Penting**

Sila baca arahan ini dengan sepenuhnya sebelum menggunakan GoQuick.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai dos atau rawatan GENOTROPIN anda, sila hubungi doktor atau jururawat anda.




Mengenai GoQuick

GoQuick ialah pen suntikan praisi berbilang dos pakai buang yang mengandungi 5.3 mg somatropin. Pencampuran GENOTROPIN dalam pen ini hanya dilakukan sekali sahaja apabila pen baharu digunakan. Satu pen boleh digunakan untuk 28 hari selepas pencampuran. Anda tidak perlu menukar kartrij. Apabila pen ini sudah kosong, anda hanya perlu bertukar kepada pen yang baharu.

Pen ini mempunyai memori dos. Dos ditetapkan sekali sahaja apabila anda memulakan penggunaan pen baharu. Ini membolehkan dos yang sama diberikan pada setiap suntikan. Anda boleh menggunakan pen ini dengan atau tanpa sarung keselamatan.

Sebelum anda menggunakan GoQuick

- Dapatkan latihan penggunaannya daripada doktor atau jururawat anda.
- Ketahui dos anda. Ketahui komponen pen.
- Pastikan anda menggunakan pen dengan butang suntikan berwarna biru.
- Cuci tangan anda.


**Jarum (tidak disertakan)****Sarung Keselamatan (tidak disertakan) dengan pelindung jarum dilepaskan**

GENOTROPIN®


Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Cara-cara Penyediaan dan Penggunaan Pen GoQuick Baharu**Langkah 1. Pasangkan jarum**


- Tanggalkan penutup pen berwarna putih dengan menariknya keluar daripada pen.
- Buka pendedap pada jarum baharu.
- Pegang pemegang kartrij dengan kemas. (Rajah 1)
- Masukkan jarum ke dalam hujung pemegang kartrij.
- Dengan berhati-hati, pusingkan jarum sehingga ketat, tetapi jangan keterlaluan.
- Jangan tanggalkan kedua-dua penutup jarum.

**Langkah 2. Campurkan GENOTROPIN**


- Pegang pen dengan hujung jarum menghadap ke atas dan A menghadap ke arah anda. (Rajah 2)
- Putar pemegang kartrij dengan **kemas** pada pen sehingga B masuk ke dalam takuk dengan bunyi klik.
- Dengan perlahan-lahan, condongkan pen dari sisi ke sisi. Jangan goncang pen. Goncangan boleh merosakkan hormon pertumbuhan.
- Periksa bagi memastikan larutan dalam kartrij kelihatan jernih. Semua serbuk mesti larut.
 - Jika ada serbuk yang belum larut, condongkan pen dengan perlahan-lahan dari sisi ke sisi beberapa kali lagi.
- Periksa larutan sekali lagi. Pastikan ia kelihatan jernih.
 - Jika larutan kelihatan jernih, teruskan dengan Langkah 3.
 - Jika larutan masih keruh atau jika ada serbuk yang masih belum larut, gunakan pen baharu.

**Langkah 3. Keluarkan Udara**

- Tanggalkan penutup luar jarum. Simpan penutup ini untuk digunakan untuk menanggalkan jarum kemudian. (Rajah 3a)
- Jangan tanggalkan penutup dalam jarum.



- Pegang pen dengan hujung jarum menghadap ke atas. (Rajah 3b)
- Ketuk pemegang kartrij dengan jari secara perlahan-lahan supaya gelembung udara yang terperangkap akan naik ke permukaan.
- Dengan **kemas**, pusingkan pemegang kartrij pada pen sehingga C masuk ke dalam takuk dengan bunyi klik.
 - Sedikit cecair mungkin kelihatan di sekeliling penutup dalam jarum.





GENOTROPIN[®]



Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Langkah 4. Pasangkan Sarung Keselamatan (Pilihan)

- a. Tanggalkan penutup hitam dengan menariknya keluar daripada sarung keselamatan. (Rajah 4a)
- Jika pelindung jarum menggelongsor keluar, tolaknya masuk ke dalam sarung keselamatan sehingga kedengaran bunyi klik.
- b. Dengan sebelah tangan, pegang pen di bawah logo biru. Dengan tangan yang satu lagi, pegang sarung keselamatan pada pangkal pelindung jarum. (Rajah 4b)
- c. Selaraskan kedudukan logo hitam pada sarung keselamatan dengan logo biru pada pen. Dengan cermat, tolak sarung keselamatan sehingga ia masuk dengan sempurna pada pen.

**Langkah 5. Sediakan Pen untuk Penggunaan**


- a. Tanggalkan penutup dalam jarum. Buangkannya. (Rajah 5a)
- b. Periksa bagi memastikan 0.1 mg ditetapkan pada tingkap memori.
- c. Pusingkan dial kelabu mengikut arah anak panah sehingga ia berhenti berklik. (Rajah 5b)




GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)


- d. Pegang pen dengan jarum menghadap ke atas. (Rajah 5c dengan dan tanpa sarung keselamatan)
- e. Tekan butang suntikan berwarna biru sehingga cecair menitis keluar.
- f. Jika tiada cecair yang menitis keluar pada Langkah “e”, ulangi Langkah b-e dalam bahagian ini sehingga maksimum dua kali.
- g. Jika cecair masih tidak kelihatan, jangan gunakan pen ini.



- h. Jika anda menggunakan sarung keselamatan, tekan butang hitam untuk melepaskan pelindung jarum. (Rajah 5d)

**Langkah 6. Tetapkan Dos**

- Gunakan gelang hitam untuk menetapkan dos. Pastikan anda tidak memusing dial kelabu semasa menetapkan dos.
- a. Pegang gelang hitam seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.
 - b. Pusingkan gelang hitam sehingga kedudukan dos sejajar dengan penunjuk putih. Doktor atau jururawat anda telah memberitahu dos yang anda perlukan.
 - c. Jika anda memusingkan dos sehingga melepasi penunjuk putih, anda hanya perlu pusingkan semula gelang hitam untuk menetapkan dos yang betul.
 - d. Setelah dos ditetapkan, jangan ubahnya melainkan diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.




Nota: Jika anda tidak dapat memusingkan gelang hitam, tekan butang suntikan berwarna biru sehingga ia berhenti berklik. Kemudian, teruskan penetapan dos dengan menggunakan gelang hitam.

GENOTROPIN®


Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Langkah 7. Keluarkan Dos


- Pusingkan dial kelabu mengikut arah anak panah sehingga ia berhenti berklik. (Rajah 7a)
- Dos anda pada rod hitam seharusnya sejajar dengan penunjuk putih.




- Periksa bagi memastikan dos yang anda ingin keluarkan seperti yang tertera pada rod hitam adalah sama dengan dos yang anda tetapkan pada tingkap memori. Lihat contohnya dalam Rajah 7b.
- Jika kedua-dua dos ini tidak berpadanan, pastikan anda memusingkan dial kelabu mengikut arah anak panah sehingga ia berhenti berklik.

**Langkah 8. Lakukan Suntikan**

- Sediakan tempat suntikan seperti yang diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.
- Genggam pen di atas tempat suntikan.
- Tolak pen ke bawah untuk mencucuk jarum ke dalam kulit.
- Dengan menggunakan ibu jari anda, tekan butang suntikan berwarna biru sehingga ia berhenti berklik. (Rajah 8)
- Kira 5 saat sebelum anda menarik jarum keluar dari kulit. Teruskan menekan butang dengan lembut menggunakan ibu jari anda semasa anda membuat pengiraan.
- Tarik pen keluar dari kulit secara menegak.

**Langkah 9. Tanggalkan Jarum; Pasang Penutup dan Simpan Pen Anda****Langkah 9a: Dengan sarung keselamatan**

- Sarungkan penutup luar jarum pada pelindung jarum. (Rajah 9a)
- Gunakan penutup luar jarum untuk menolak pelindung jarum ke dalam sehingga ketat.
- Gunakan penutup luar jarum untuk memusing dan menanggalkan jarum dan membuangnya ke dalam bekas pelupusan sisa tajam.
- Jangan tanggalkan sarung keselamatan pada pen.
- Pasangkan semula penutup hitam pada sarung keselamatan. Simpan pen anda di dalam peti sejuk.




GENOTROPIN®


Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Langkah 9b: Tanpa sarung keselamatan


- a. Jangan sentuh jarum.
- b. Dengan berhati-hati, pasang penutup luar jarum pada jarum. (Rajah 9b)
- c. Gunakan penutup luar jarum untuk memutar dan menanggalkan jarum dan membuangnya ke dalam bekas pelupusan sisa tajam.
- d. Pasang semula penutup putih pada pen. Simpan pen anda di dalam peti sejuk.

**Penggunaan Rutin GoQuick**


1. Tanggalkan penutup hitam daripada sarung keselamatan atau penutup putih daripada pen.



2. Pasangkan jarum yang baharu.
 - Dengan sarung keselamatan:
 - Jika pelindung jarum menggelongsor keluar, tolaknya masuk ke dalam sarung keselamatan semula.
 - Pasangkan jarum baharu pada hujung pemegang kartrij.




- Tanpa sarung keselamatan:
 - Pasangkan jarum baharu pada hujung pemegang kartrij.




GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)


3. Tanggalkan kedua-dua penutup jarum. Simpan penutup luar jarum untuk digunakan bagi menanggalkan jarum kemudian.




4. Jika anda menggunakan sarung keselamatan, tekan butang hitam untuk melepaskan pelindung jarum.



5. Untuk mengeluarkan dos, pusingkan dial kelabu sehingga ia berhenti berklik.



6. Periksa bagi memastikan dos yang anda ingin keluarkan adalah sama dengan dos yang anda tetapkan pada tingkap memori.
- Jika dos yang anda keluarkan adalah kurang daripada dos yang ditetapkan, ini bermakna pen tidak mengandungi dos GENOTROPIN yang mencukupi.
 - Ikut arahan doktor atau jururawat anda tentang apa yang perlu anda lakukan sekiranya pen tidak mempunyai dos yang mencukupi.




GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

7. Sediakan tempat suntikan seperti yang diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.

8. Lakukan suntikan.

- Tolak pen ke bawah untuk mencucuk jarum ke dalam kulit.
- Tekan butang suntikan berwarna biru sehingga ia berhenti berklik.
- Kira 5 saat sebelum anda menarik jarum keluar dari kulit. Teruskan menekan butang dengan lembut menggunakan ibu jari anda semasa anda membuat pengiraan.
- Tarik pen keluar dari kulit secara menegak.



9. Tanggalkan jarum.

- Dengan sarung keselamatan:
 - Gunakan penutup luar jarum untuk menolak pelindung jarum ke dalam sehingga ketat.
- Tanpa sarung keselamatan:
 - Dengan berhati-hati, pasang penutup luar jarum pada jarum.
- Gunakan penutup luar jarum untuk memusing dan menanggalkan jarum. Buang jarum ke dalam bekas pelupusan sisa tajam.



10. Pasangkan semula penutup pada sarung keselamatan atau pen dan simpan pen di dalam peti sejuk.

ARAHAN PENGGUNAAN GOQUICK®: 12 mg**Maklumat Penting**

Sila baca arahan ini dengan sepenuhnya sebelum menggunakan GoQuick.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai dos atau rawatan GENOTROPIN anda, sila hubungi doktor atau jururawat anda.

Mengenai GoQuick

GoQuick ialah pen suntikan praisi berbilang dos pakai buang yang mengandungi 12 mg somatropin. Pencampuran GENOTROPIN dalam pen ini hanya dilakukan sekali sahaja apabila pen baharu digunakan. Satu pen boleh digunakan untuk 28 hari selepas pencampuran. Anda tidak perlu menukar kartrij. Apabila pen ini sudah kosong, anda hanya perlu bertukar kepada pen yang baharu.



Pen ini mempunyai memori dos. Dos ditetapkan sekali sahaja apabila anda memulakan penggunaan pen baharu. Ini membolehkan dos yang sama diberikan pada setiap suntikan. Anda boleh menggunakan pen ini dengan atau tanpa sarung keselamatan.

GENOTROPIN®


Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Sebelum anda menggunakan GoQuick

- Dapatkan latihan penggunaannya daripada doktor atau jururawat anda.
- Ketahui dos anda. Ketahui komponen pen.
- Pastikan anda menggunakan pen dengan butang suntikan berwarna ungu.
- Cuci tangan anda

**Cara-cara Penyediaan dan Penggunaan Pen GoQuick Baharu****Langkah 1. Pasangkan jarum**

- Tanggalkan penutup pen berwarna putih dengan menariknya keluar daripada pen.
- Buka pengedap pada jarum baharu.
- Pegang pemegang kartrij dengan kemas. (Rajah 1)
- Masukkan jarum ke dalam hujung pemegang kartrij.
- Dengan berhati-hati, pusingkan jarum sehingga ketat, tetapi jangan keterlaluan.
- Jangan tanggalkan kedua-dua penutup jarum.




GENOTROPIN®



Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Langkah 2. Campurkan GENOTROPIN

- Pegang pen dengan hujung jarum menghadap ke atas dan **A** menghadap ke arah anda. (Rajah 2)
- Putar pemegang kartrij dengan **kemas** pada pen sehingga **B** masuk ke dalam takuk dengan bunyi klik.
 - Dengan perlahan-lahan, condongkan pen dari sisi ke sisi. Jangan goncang pen. Goncangan boleh merosakkan hormon pertumbuhan.
- Periksa bagi memastikan larutan dalam kartrij kelihatan jernih. Semua serbuk mesti larut.
 - Jika ada serbuk yang belum larut, condongkan pen dengan perlahan-lahan dari sisi ke sisi beberapa kali lagi.
- Periksa larutan sekali lagi. Pastikan ia kelihatan jernih.
 - Jika larutan kelihatan jernih, teruskan dengan Langkah 3.
 - Jika larutan masih keruh atau jika ada serbuk yang masih belum larut, gunakan pen baharu.

**Langkah 3. Keluarkan Udara**

- Tanggalkan penutup luar jarum. Simpan penutup ini untuk digunakan bagi menanggalkan jarum kemudian. (Rajah 3a)
 - Jangan tanggalkan penutup dalam jarum.
- Pegang pen dengan hujung jarum menghadap ke atas. (Rajah 3b)
 - Ketuk pemegang kartrij dengan jari secara perlahan-lahan supaya gelembung udara yang terperangkap akan naik ke permukaan.
 - Dengan **kemas**, pusingkan pemegang kartrij pada pen sehingga **C** masuk ke dalam takuk dengan bunyi klik.
 - Sedikit cecair mungkin kelihatan di sekeliling penutup dalam jarum.

**Langkah 4. Pasangkan Sarung Keselamatan (Pilihan)**


- Tanggalkan penutup hitam dengan menariknya keluar daripada sarung keselamatan. (Rajah 4a)
 - Jika pelindung jarum menggelongsor keluar, tolaknya masuk ke dalam sarung keselamatan sehingga kedengaran bunyi klik.




GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)


- b. Dengan sebelah tangan, pegang pen di bawah logo ungu. Dengan tangan yang satu lagi, pegang sarung keselamatan pada pangkal pelindung jarum. (Rajah 4b)
- c. Selaraskan kedudukan logo hitam pada sarung keselamatan dengan logo ungu pada pen. Dengan cermat, tolak sarung keselamatan sehingga ia masuk dengan sempurna pada pen.

**Langkah 5. Sediakan Pen untuk Penggunaan**


- a. Tanggalkan penutup dalam jarum. Buangkannya. (Rajah 5a)



- b. Periksa bagi memastikan 0.3 mg ditetapkan pada tingkap memori.
- c. Pusingkan dial kelabu mengikut arah anak panah sehingga ia berhenti berklik. (Rajah 5b)




- d. Pegang pen dengan jarum menghadap ke atas. (Rajah 5c dengan dan tanpa sarung keselamatan)
- e. Tekan butang suntikan berwarna ungu sehingga cecair menitis keluar.
- f. Jika tiada cecair yang menitis keluar pada Langkah "e", ulangi Langkah b-e dalam bahagian ini sehingga maksimum dua kali.
- g. Jika cecair masih tidak kelihatan, jangan gunakan pen ini.




GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

- h. Jika anda menggunakan sarung keselamatan, tekan butang hitam untuk melepaskan pelindung jarum. (Rajah 5d)

**Langkah 6. Tetapkan Dos**


- Gunakan gelang hitam untuk menetapkan dos. Pastikan anda tidak memusing dial kelabu semasa menetapkan dos.
- a. Pegang gelang hitam seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.
- b. Pusingkan gelang hitam sehingga kedudukan dos sejajar dengan penunjuk putih. Doktor atau jururawat anda telah memberitahu dos yang anda perlukan.
- c. Jika anda memusingkan dos sehingga melepasi penunjuk putih, anda hanya perlu pusingkan semula gelang hitam untuk menetapkan dos yang betul.
- d. Setelah dos ditetapkan, jangan ubahnya melainkan diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.




Nota: Jika anda tidak dapat memusingkan gelang hitam, tekan butang suntikan berwarna ungu sehingga ia berhenti berklik. Kemudian, teruskan penetapan dos dengan menggunakan gelang hitam.

Langkah 7. Keluarkan Dos

- a. Pusingkan dial kelabu mengikut arah anak panah sehingga ia berhenti berklik. (Rajah 7a)
- b. Dos anda pada rod hitam seharusnya sejajar dengan penunjuk putih.



- c. Periksa bagi memastikan dos yang anda ingin keluarkan seperti yang tertera pada rod hitam adalah sama dengan dos yang anda tetapkan pada tingkap memori. Lihat contohnya dalam Rajah 7b.
- d. Jika kedua-dua dos ini tidak berpadanan, pastikan anda memusingkan dial kelabu mengikut arah anak panah sehingga ia berhenti berklik.




GENOTROPIN®


Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Langkah 8. Lakukan Suntikan

- Sediakan tempat suntikan seperti yang diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.
- Genggam pen di atas tempat suntikan.
- Tolak pen ke bawah untuk mencucuk jarum ke dalam kulit.
- Dengan menggunakan ibu jari anda, tekan butang suntikan berwarna ungu sehingga ia berhenti berklik. (Rajah 8)
 - Kira 5 saat sebelum anda menarik jarum keluar dari kulit. Teruskan menekan butang dengan lembut menggunakan ibu jari anda semasa anda membuat pengiraan.
- Tarik pen keluar dari kulit secara menegak.

**Langkah 9. Tanggalkan Jarum; Pasang Penutup dan Simpan Pen Anda****Langkah 9a: Dengan sarung keselamatan**

- Sarungkan penutup luar jarum pada hujung pelindung jarum. (Rajah 9a)
- Gunakan penutup luar jarum untuk menolak pelindung jarum ke dalam sehingga ketat.
- Gunakan penutup luar jarum untuk memusing dan menanggalkan jarum dan membuangnya ke dalam bekas pelupusan sisa tajam.
- Jangan tanggalkan sarung keselamatan pada pen.
- Pasangkan semula penutup hitam pada sarung keselamatan. Simpan pen anda di dalam peti sejuk.

**Langkah 9b: Tanpa sarung keselamatan**

- Jangan sentuh jarum.
- Dengan berhati-hati, pasang penutup luar jarum pada jarum. (Rajah 9b)
- Gunakan penutup luar jarum untuk memutar dan menanggalkan jarum dan membuangnya ke dalam bekas pelupusan sisa tajam.
- Pasangkan semula penutup putih pada pen. Simpan pen anda di dalam peti sejuk.




GENOTROPIN[®]


Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

Penggunaan Rutin GoQuick


1. Tanggalkan penutup hitam daripada sarung keselamatan atau penutup putih daripada pen.




2. Pasangkan jarum yang baharu.
 - Dengan sarung keselamatan:
 - Jika pelindung jarum menggelongsor keluar, tolaknya masuk ke dalam sarung keselamatan semula.
 - Pasangkan jarum baharu pada hujung pemegang kartrij.




- Tanpa sarung keselamatan:
 - Pasangkan jarum baharu pada hujung pemegang kartrij.



3. Tanggalkan kedua-dua penutup jarum. Simpan penutup luar jarum untuk digunakan bagi menanggalkan jarum kemudian.




4. Jika anda menggunakan sarung keselamatan, tekan butang hitam untuk melepaskan pelindung jarum.




GENOTROPIN®

Somatropin (5.3 mg, 12 mg)

5. Untuk mengeluarkan dos, pusingkan dial kelabu sehingga ia berhenti berklik.




6. Periksa bagi memastikan dos yang anda ingin keluarkan adalah sama dengan dos yang anda tetapkan pada tingkat memori.
- Jika dos yang anda keluarkan adalah kurang daripada dos yang ditetapkan, ini bermakna pen tidak mengandungi dos GENOTROPIN yang mencukupi.
 - Ikut arahan doktor atau jururawat anda tentang apa yang perlu anda lakukan sekiranya pen tidak mempunyai dos yang mencukupi.



7. Sediakan tempat suntikan seperti yang diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.

8. Lakukan suntikan.
- Tolak pen ke bawah untuk mencucuk jarum ke dalam kulit.
 - Tekan butang suntikan berwarna ungu sehingga ia berhenti berklik.
 - Kira 5 saat sebelum anda menarik jarum keluar dari kulit. Teruskan menekan butang dengan lembut menggunakan ibu jari anda semasa anda membuat pengiraan.
 - Tarik pen keluar dari kulit secara menegak.



9. Tanggalkan jarum.

- Dengan sarung keselamatan:
 - Gunakan penutup luar jarum untuk menolak pelindung jarum ke dalam sehingga ketat.
- Tanpa sarung keselamatan:
 - Dengan berhati-hati, pasang penutup luar jarum pada jarum.
- Gunakan penutup luar jarum untuk memusing dan menanggalkan jarum. Buang jarum ke dalam bekas pelupusan sisa tajam.



10. Pasangkan semula penutup pada sarung keselamatan atau pen dan simpan pen di dalam peti sejuk.

GENOTROPIN®

Somatotropin (5.3 mg, 12 mg)

MAKLUMAT LANJUT**Penyimpanan**

- Sila lihat bahagian belakang risalah ini untuk mengetahui cara penyimpanan GoQuick anda.
- Selepas 4 minggu, lupuskan pen (atau buang) walaupun masih ada lebihan ubat di dalamnya.
- Jangan bekukan atau dedahkan GoQuick kepada suhu fros.
- Jangan gunakan GoQuick anda selepas tarikh tamat tempoh.
- Patuhi undang-undang kesihatan dan keselamatan di tempat anda mengenai cara untuk melupuskan (atau membuang) pen anda. Tanya doktor atau jururawat anda sekiranya anda tidak pasti tentang apa yang perlu dilakukan.

Pengendalian

- Jangan campurkan serbuk dan cecair di dalam GoQuick melainkan jarum sudah dipasang pada pen.
- Jangan simpan GoQuick anda dalam keadaan jarum terpasang. GENOTROPIN mungkin menitis keluar daripada pen dan gelembung udara mungkin terbentuk dalam kartrij. Sentiasa tanggalkan jarum dan pasang penutup pen atau penutup sarung keselamatan sebelum menyimpannya.
- Kendalikan dengan berhati-hati dan jangan jatuhkan GoQuick.
- Sekiranya pen ini terjatuh, anda mesti lakukan penetapan semula seperti yang dinyatakan dalam Langkah 5 (Cara-cara Penyediaan dan Penggunaan Pen GoQuick Baharu). Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana bahagian pen GoQuick anda kelihatan pecah atau rosak, jangan gunakan pen ini. Sila hubungi doktor atau jururawat anda untuk meminta pen lain.
- Bersihkan pen dan sarung keselamatan dengan kain yang lembap. Jangan rendam pen dalam air.

Jarum

- Sentiasa gunakan jarum baharu setiap kali anda membuat suntikan.
- Masukkan semua jarum yang sudah digunakan ke dalam bekas “pelupusan sisa tajam”. Patuhi undang-undang kesihatan dan keselamatan di tempat anda mengenai cara untuk melupuskan jarum anda. Tanya doktor atau jururawat anda sekiranya anda tidak pasti tentang apa yang perlu dilakukan.
- Jangan kongsi pen atau jarum anda dengan orang lain.

Maklumat Am

- Nombor dan garisan pada pemegang kartrij dapat membantu anda menganggarkan jumlah GENOTROPIN yang masih ada dalam pen.
- Dalam Langkah 6 Penggunaan Rutin, sekiranya pen tidak mempunyai dos GENOTROPIN yang mencukupi, skala pada rod hitam akan menunjukkan jumlah ubat yang masih ada dalam pen.
- Pesakit yang buta atau yang tidak dapat melihat dengan jelas hendaklah menggunakan GoQuick hanya dengan bantuan seseorang yang telah dilatih mengenai cara penggunaan pen ini.
- Patuhi arahan doktor atau jururawat anda mengenai keperluan untuk membersihkan tangan dan kulit anda semasa anda menyediakan dan membuat suntikan.
- Jangan buang sarung keselamatan. Untuk menanggalkannya daripada pen, hanya pusingkannya sehingga longgar. Simpan untuk digunakan pada pen baharu.
- Sekiranya anda mempunyai soalan mengenai cara penggunaan GoQuick, sila tanya doktor atau jururawat anda.